



BERMUTU: Projek tanaman tomato diusahakan Hatta berbuah lebat.

BH 21/8/06

Tanam tomato kaedah fertigasi

Petani muda di Kampung Kerdas, Gombak usaha projek secara komersial dengan bantuan JPS bakal jana pendapatan cecah RM10,000 sebulan

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar

GOMBAK: Jika dilihat pada teknologi yang digunakan, mungkin tidak siapa yang menyangka projek itu berada di tengah-tengah kampung. Hakikatnya, projek tanaman tomato menggunakan kaedah fertigasi dan diwujudkan di atas tanah simpanan Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Gombak (JPS) itu terletak di Kampung Kerdas, Gombak, Selangor, antara kampung tradisional yang masih wujud di Lembah Klang.

Lebih mengejutkan, dua rumah perlindungan agak besar yang dibina berhadapan dengan rumah penduduk di situ yang mana jaraknya hanya kira-kira tiga meter, membuatkan usaha itu memperlihatkan seolah-olah kawasan itu seperti sebuah perkampungan berteknologi tinggi dalam bidang pertanian.

Buat masa ini tanaman tomato jenis 1039 yang menggunakan sistem pertanian fertigasi hanya sesuai untuk kawasan tanah tinggi seperti yang terbukti berjaya di Cameron Highlands.

Petani muda, Hatta Hashim, 38, yang mengusahakan kebun tomato itu melalui hasrat JPS Gombak yang ingin memperindahkan dan memanfaatkan koridor sungai Gombak membuktikan bahawa bidang pertanian mampu memberi pendapatan lumayan jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh melalui teknologi moden.

Beliau yang mengusahakan tanaman tomato dengan teknologi itu kini mampu tersenyum apabila usahanya itu sungguh menguntungkan. Selain keuntungan berlipat ganda, penjagaan sayur-sayuran menggunakan kaedah itu juga lebih mudah dan tidak perlu berhadapan dengan risiko tinggi jika sayur-sayuran diserang penyakit.

"Saya mengambil keputusan untuk mengusahakan projek ini sebagai menyahut seruan Perdana Menteri untuk melaksanakan pertanian cara moden. Saya sebagai masyarakat biasa menterjemahkan hasrat Perdana Menteri itu dengan melaksanakan projek ini," katanya ketika menerima kunjungan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin ke projek pertaniannya itu, baru-baru ini.

Kejayaan petani muda seperti Hatta dalam bidang pertanian adalah hasil kesungguhan Kementerian Pertanian untuk melahirkan petani muda moden bagi menjadikan kegiatan pertanian sektor produktif dan menguntungkan.

Hatta membuktikan bahawa bidang pertanian mampu memberi keuntungan lumayan melalui corak pertanian moden dengan menggunakan teknologi terkini.

Teknologi fertigasi yang diamalkan oleh Hatta adalah teknologi terbaru dalam pengeluaran sayur-sayuran bernilai tinggi seperti tomato, terung dan cili.

Secara ringkasnya, teknologi fertigasi ialah satu sistem iaitu nutrien (NPK dan nutrien mikro) bagi pertumbuhan tanaman dilarutkan di dalam air dan dibekalkan kepada tanaman melalui sistem pengairan titis.

Dengan teknologi fertigasi, petani boleh mengawal dan membekalkan air dan nutrien yang cukup dan seimbang mengikut fasa pertumbuhan pokok. Kaedah itu juga membolehkan tanaman membesar dengan sihat dan subur serta berupaya mengeluarkan hasil yang maksimum dan bermutu tinggi.


Hatta berkata, dengan kaedah perlindungan iaitu rumah kalis hujan, tanamannya akan terlindung daripada sinaran ultra ungu (UV) yang boleh mencederakan pokok, tidak terkena hujan dan dapat mengurangkan seran-

gan penyakit.


Katanya, penggunaan rumah perlindungan, walaupun meningkatkan suhu dalaman dan seterusnya meningkatkan transpirasi tanaman, kehilangan air pada tomato boleh dikurangkan menerusi tindakan meningkatkan kekerapan pengairan dan hasilnya tomato tumbuh lebih sihat dan subur dengan kaedah pemugaran dan fertigasi.

"Apabila tanaman ini berbuah, hasilnya boleh dipetik setiap hari selama lebih kurang lapan bulan dan pokok tomato itu boleh mencapai 18 kaki tinggi. Dianggarkan apabila tanaman ini mengeluarkan hasilnya serentak, anggaran pendapatan ialah mencecah RM10,000 sebulan.

"Setakat ini, projek ini berjalan dengan lancar dan hasilnya amat memuaskan malah baru-baru ini Jabatan Pertanian Selangor menghantar kira-kira 30 peserta untuk lawatan sambil belajar ke projek ini," katanya.



TURUT BERBANGGA: Abdul Aziz melawat tapak projek tanaman tomato menggunakan sistem fertigasi di Kampung Kerdas, Gombak.



“Saya mengambil keputusan untuk mengusahakan projek ini sebagai menyahut seruan Perdana Menteri untuk melaksanakan pertanian cara moden”

Hatta Hashim
Pengusaha kebun tomato



PERTANIAN MODEN: Kaedah fertigasi memerlukan pengurusan yang baik.